



UTeM TERUS CEMERLANG raih 16 PINGAT di ITEX 2012

19 Mei : Penyelidik Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) terus mencipta kejayaan gemilang ketika menyertai 23rd International Invention, Innovation and Technology Exhibition (ITEX) 2012 yang berakhir hari ini.

Pada pertandingan inovasi tersebut, pasukan penyelidik UTeM telah berjaya meraih lima pingat emas, lapan perak dan tiga gangsa menjadikan sejumlah 16 pingat dipungut menerusi produk-produk inovasi tinggi yang dipertandingkan.

Daripada jumlah tersebut, produk penyelidikan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) dan Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) masing-masing meraih dua pingat emas manakala produk Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) dengan satu emas.

Salah satu produk yang mendapat anugerah emas ialah 'Ice Cooling Fan' merupakan inovasi terhadap kipas angin yang mempunyai gegelung penyejuk (cooling coil). Hasil ciptaan penyelidik FKP Mohd Najib Ali Mokhtar itu berupaya memberi keselesaan kepada pengguna apabila kipas tersebut berupaya membekalkan udara sejuk melalui mekanisme penyejukan yang terdapat pada gegelung logam alat tersebut.

Jelasnya, hasil ujian 'Ice Cooling Fan' mendapati suhu bilik berjaya dikurangkan dan tenaga elektrik dapat dijimatkan berbanding penggunaan alat penghawa dingin.

Kejayaan itu turut mendapat perhatian syarikat-syarikat serta agensi pengkomersilan dari dalam dan luar negara untuk menjalinkan rangkaian strategik dalam memasarkan produk tersebut ke peringkat global.

Produk lain yang dipertandingkan meliputi pelbagai bidang antaranya teknologi pintar, bahan kejuruteraan, teknologi hijau serta perkakasan yang memberi kemudahan dalam kehidupan harian.

Bagi Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Ahmad Yusoff Hassan berkata, kejayaan penyelidik universiti itu di ITEX 2012 membuktikan bahawa hasil inovasi dari Malaysia mampu memberi impak besar kepada perkembangan teknologi masa kini.

Beliau yang ditemui berkata, UTeM sebagai IPTA teknikal di negara ini akan terus menggandakan usaha untuk mempelopori bidang penyelidikan berteraskan teknologi tinggi bagi merealisasikan visi ke arah universiti teknikal yang kreatif dan inovatif terkemuka di dunia.

KANDUNGAN

UTeM Terus Cemerlang Raih 16 Pingat di ITEX 2012 | Naib Canselor Adakan Kunjungan Hormat ke Pejabat Tuan Yang Terutama | UTeM Jadi Tumpuan Pelajar Timur Tengah Lanjutkan Pengajian Tinggi | Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2012 UTeM Iktiraf Sumbangan Staf | Mesyuarat Kerjasama UTeM - UMS Hadapi Pertandingan Akhir Imagine Cup 2012 | Imagine Cup Malaysia 2012 Bertaraf Dunia | Pengarah Urusan Infineon Technologies Kongsi Pengalaman Menerusi Ceramah Eksekutif | Keputusan Pemilihan Ahli Senat Dalam Kalangan Profesor & Profesor Madya | Siswa UTeM Jayakan Ekspedisi Kembara Jalinan KASih Ke Thailand | Pelajar FKM Hasilkan Kendaraan Berkuasa Elektrik Mampu Milik | Pelajar Tahun Satu FTK Diberi Pendedahan Awal Industri | FKE Johan Debat Piala Naib Canselor | Mahasiswa UTeM Terus Tabur Bakti Kepada Masyarakat Setempat | Kelab Penyayang Berbakti di Rumah Anak-anak Yatim Jasir | Ekspedisi Tawan Tiga Puncak Gunung Banjaran Titiwangsa Berjaya | Karnival Kerjaya 2012 Terima Sambutan Luar Biasa | Bengkel Pelan Strategik Fasa 2 : ke Arah Kegemilangan UTeM di Peringkat Global | Program Bimbingan Kecemerlangan SPM : UTeM, Tabung Haji & Berita Harian Gabung Kepakaran | Sesi Ramah Mesra TNC (P&I) Bersama Staf Pejabat Pendaftar | Pertandingan Rekabentuk & Pembangunan Produk Serlah Kreativiti & Inovasi Mahasiswa | Program Motivasi 'Kekanda Adinda Siri II' Pupuk Keharmonian Rumahtangga | UTeM Anjur Bengkel Penubuhan Polis Bantuan Peringkat IPTA | Puncak Gunung Berapi Tertinggi di Indonesia Ditawan Staf UTeM | Perkahwinan & Kelahiran Mei 2012 | UTeM Juara Keseluruhan Kejohanan Sukan MTUN | Kejohanan Mountain Bike Cross Country Tertutup 2012 Cungkil Bakat Baru Sukan Lasak | Personaliti Pilihan



Editor BERITA@UTeM

KETUA EDITOR :

Fazidah Binti Ithnin

WARTAWAN :

Mohd Khairulhusaini Bin Mohd Saad
Bob Faizeli Bin Mohamed Din

REKA BENTUK GRAFIK :

Aziza Binti Md Buang
Shahril Hazizi Bin Abu Bakar

JURUFOTO :

Md. Nor Bin Mohamad Saleh
Nurulidayu Binti Talib
Mohd Farid Bin Supangi
Asri Bin Abu

PENGEDARAN :

Yang Sarinah Binti Mohd Talib
Mohammad Taufik Bin Osman

Apa pandangan anda mengenai BERITA@UTeM ?
Hantarkan pandangan / cadangan / sumbangan bahan anda melalui e-mail ke berita@utem.edu.my

Naib Canselor adakan KUNJUNGAN HORMAT ke Pejabat TUAN YANG TERUTAMA



8 Mei : Naib Canselor Prof. Datuk. Dr. Ahmad Yusoff Hassan dengan diiringi oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Prof. Ir. Dr. Mohd Jailani Mohd Nor telah mengadakan kunjungan hormat ke Pejabat Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka yang juga Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) bagi memaklumkan perkembangan dan pencapaian semasa universiti ini.

Pada sesi tersebut, Dr. Ahmad Yusoff Hassan membentangkan perkembangan dan pencapaian terkini yang diraih UTeM meliputi aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan serta perancangan pihak pengurusan universiti pada masa hadapan.

Hadir sama pada sesi perbincangan tersebut ialah Pendaftar Hasan Sirun serta Pengarah Pejabat Pembangunan Abdul Wahab Harun.

UTeM jadi Tumpuan PELAJAR TIMUR TENGAH Lanjutkan PENGHAJIAN TINGGI



21 April : Naib Canselor Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan bersama Dekan Pusat Pengajian Siswazah (PPS) Prof. Dr. Mohd Razali Muhammad dan Pengarah Pejabat Antarabangsa Prof. Dr. Nanna Suryana Herman hari ini menamatkan lawatan di Arab Saudi dalam usaha mempromosikan peluang pengajian teknikal kepada calon-calon berpotensi.

Sewaktu di Riyadh International Education Conventional Centre iaitu sebuah pusat sehenti bagi pelajar di Arab Saudi mendapatkan maklumat pengajian menyaksikan ruang pameran UTeM diserbu oleh golongan tersebut yang berminat mengikuti kursus-kursus yang ditawarkan.

Manakala di Jeddah, bersempena Pameran Pendidikan Malaysia yang dianjurkan dengan kerjasama Konsulat Jeneral Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), tapak pameran UTeM tidak putus-putus dikunjungi pelawat yang tertarik dengan status universiti ini yang menerajui pengajian teknikal di Malaysia.

Menurut Ahmad Yusoff, delegasi UTeM menerima banyak permohonan daripada pelajar-pelajar berkenaan yang ingin mengikuti pengajian dalam bidang kejuruteraan di peringkat ijazah sarjana muda, ijazah sarjana serta doktor falsafah (PhD).



Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2012

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

IKTIRAF SUMBANGAN STAF

29 Mei : Pada tahun ini seramai 152 orang staf UTeM daripada pelbagai gred dan jawatan telah terpilih untuk menerima Anugerah Khidmat Cemerlang (APC) atas sumbangan yang telah diberikan kepada pihak universiti.

Menurut Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan dalam ucapannya menjelaskan bahawa objektif utama diadakan Majlis Hari Kualiti UTeM 2012 adalah sebagai tanda penghargaan dan terima kasih pihak universiti di atas sumbangan warga kerjanya dalam menyumbang keringat dan komitmen yang berterusan agar kecemerlangan dapat diteruskan.

Majlis ini turut diserikan dengan kehadiran Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim Suaidi, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) Prof. Ir. Dr. Mohd Jailani Mohd Nor, pegawai-pegawai kanan universiti serta lebih 1000 orang staf UTeM.



Mesuarat KERJASAMA UTeM - UMS HADAPI PERTANDINGAN AKHIR IMAGINE CUP 2012

3 Mei : Semangat setiakawan antara UTeM dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) terbukti apabila kedua-dua universiti berganding bahu dalam menjayakan pertandingan akhir Imagine Cup 2012 di Kota Kinabalu pada 17 Mei ini.

Bertempat di Bilik Mesyuarat Senat Kampus Induk, telah berlangsungnya mesyuarat kerjasama penganjuran Imagine Cup 2012 yang dihadiri oleh Pengarah Bahagian Perhubungan Korporat UMS, Dr. Mokhtaruddin Hj. Ahmad dan Penolong Pendaftar Hayati Salleh Baihaki.

Mesyuarat tersebut antara lain membincangkan persediaan terakhir perkhidmatan logistik dan sokongan teknikal oleh UMS bagi menghadapi ketibaan peserta, mentor dan tetamu jemputan dari dalam dan luar negara yang akan menyaksikan pertandingan peringkat kebangsaan itu.

Naib Canselor Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan ketika meyambut kedatangan delegasi UMS melahirkan penghargaan di atas komitmen yang ditunjukkan dalam menjayakan acara tersebut.



17 Mei : Penganjuran pertandingan penciptaan perisian (software) Imagine Cup 2012 peringkat kebangsaan yang berlangsung di Kota Kinabalu Sabah merupakan penganjuran terbaik dan meletakkan prestijnya di persada dunia.

Perkara itu diakui oleh Pengurus Besar Program Akademik Global Microsoft USA, Moorthy Uppaluri yang hadir menyaksikan sepanjang pertandingan itu berlangsung. Beliau berkata demikian sewaktu berucap di majlis makan malam dan pengumuman pemenang Imagine Cup 2012 yang akan mewakili negara ke Sydney Australia pada bulan Julai akan datang.

Justeru, penganjuran di Malaysia seharusnya menjadi contoh kepada negara kerana keunikan penganjuran di negara ini yang turut melibatkan banyak agensi swasta dan kerajaan. "Tahniah kepada UTeM selaku sekretariat serta agensi mahupun syarikat yang telah bekerjasama dalam melaksanakan pertandingan berprestij ini," kata Moorthy ketika ditemui media.

Imagine Cup 2012 peringkat kebangsaan telah dimenangi oleh pasukan "The Rhapsody" dari Asia Pacific University College of Technology and Innovation (UCTI) menerusi perisian WizBoard yang memberi kemudahan kepada guru atau pendidik menyampaikan pengajaran tanpa sempadan melalui beberapa ciri unik yang dibangunkan di dalam perisian tersebut.



Pengarah Urusan Infineon Technologies KONGSI PENGALAMAN menerusi CERAMAH EKSEKUTIF

16 Mei : Pejabat Jaringan Industri (PJIM) telah menganjurkan program 'Executive Talk' yang disampaikan oleh Presiden merangkap Pengarah Urusan Infineon Technologies (Malaysia) Sdn. Bhd. Dr. Matthias Ludwig.

Pengarah Program tersebut Prof. Madya Dr. Chong Kuan Eng berkata, objektif program ini dianjurkan bagi menggalakkan pemindahan teknologi daripada sektor korporat kepada universiti di samping ia juga dapat memantapkan lagi ilmu pengetahuan terutamanya dalam bidang pentadbiran serta penyelidikan dan inovasi.

Menurut beliau lagi, pendekatan ini diambil bagi menggalakkan penglibatan berterusan daripada sektor korporat dalam aktiviti penyelidikan dan pembelajaran yang dapat merapatkan jurang kemahiran selain mampu memberikan kepakaran dalam bidang teknologi di universiti.

Dr. Matthew Ludwig telah berkongsi pengetahuan dan pengalaman luas bersama 200 orang peserta yang hadir mendengar ceramah beliau bertajuk "Leadership in Multicultural Environment".

KEPUTUSAN PEMILIHAN AHLI SENAT dalam KALANGAN PROFESSOR & PROFESSOR MADYA



9 Mei : Pemilihan ahli Senat di kalangan Profesor oleh Profesor dan Profesor Madya Universiti telah dilaksanakan dengan jayanya pada hari ini bertempat di Auditorium Canselor.

Turut hadir ke majlis pemilihan itu ialah Naib Canselor Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan serta Timbalan-timbalan Naib Canselor dan pegawai-pegawai kanan universiti.

Sehubungan itu, keputusan pemilihan Profesor yang dipilih di bawah Seksyen 22(1)(d) Perlembagaan baharu UTeM [P.U(A) 470/2010] adalah seperti berikut:

- 1) Y.Bhg Dato' Profesor Dr. Abu Bin Abdullah
- 2) Y.Bhg Dato' Profesor Dr. Mohd Nor Bin Husain

Berita@UTeM mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada ahli senat yang baru dipilih dan semoga pemilihan tersebut bakal menyumbang kepada kejayaan universiti ini di peringkat yang lebih tinggi.



Siswa UTeM *jayakan* EKSPEDISI KEMBARA JALINAN KASIH *ke* THAILAND

1 Mei : Program Ekspedisi Kembara Ukhwah ke negara Thailand yang melibatkan seramai 20 orang mahasiswa yang terdiri daripada pemimpin pelajar dari kelab dan persatuan serta 6 orang staf UTeM telah berjaya diadakan baru-baru ini.

Program ekspedisi itu merupakan kerjasama antara Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) bersama Exco Kebajikan dan Kesukarelaan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP).

Ekspedisi Kembara Ukhwah Mahasiswa itu telah dilaksanakan dengan jayanya ke perkampungan Islam Nateen dan seterusnya melawat Kasersart University di Krabi, Thailand.

Menurut Pengarah Program Nur Salehah Abdul Wahab berkata, perkampungan Nateen yang terletak di daerah Krabi mempunyai majoriti penduduk beragama Islam dan mereka adalah nelayan yang menjana sumber pendapatan daripada hasil laut.

Manakala Kasersart University pula merupakan sebuah universiti awam yang ketiga tertua di Thailand yang telah ditubuhkan pada tahun 1943 dan merupakan universiti penyelidikan kebangsaan yang disahkan oleh Suruhanjaya Pendidikan Tinggi Thailand.

Tambah beliau lagi, objektif diadakan program ini adalah untuk mendedahkan mahasiswa UTeM dengan budaya luar negara dalam menjana pemikiran yang lebih kreatif, kritis dan berpandangan jauh di samping melibatkan diri dalam kerja-kerja kebajikan.



PELAJAR TAHUN SATU FTK *diberi* PENDEDAHAN AWAL INDUSTRI

9 Mei : Seramai 31 orang pelajar jurusan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan (Kuala Industri) Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) bersama dua orang tenaga pengajar telah mengadakan lawatan industri ke Tenaga Switchgear Sdn. Bhd.

Tenaga Switchgear merupakan anak syarikat Tenaga Nasional Berhad yang memiliki kepakaran dalam bidang pembuatan, berperanan dalam menghasilkan alat suis, transformer dan kabel pengalir kepada sektor perindustrian di Malaysia, Indonesia, Pakistan dan Vietnam.

Lawatan itu bertujuan untuk memberi pendedahan awal kepada pelajar tahun satu berkenaan skop kerja, perkongsian pengalaman dan persekitaran pekerjaan sebenar dalam bidang kuasa industri.

Pelajar turut dibawa melawat tapak penempatan khas projek produk-produk gergasi bervoltan tinggi seperti Gas Insulated Switchgear (132kV) dan Gas Circuit Breaker (132kV) sambil diberi penerangan oleh beberapa orang jurutera terlatih.

Pensyarah Jabatan Teknologi Kejuruteraan Elektrik, Mohd Yunos Bin Ali berkata, lawatan sebegini bukan sahaja dapat memberi pengalaman berharga buat pelajar malahan dapat memupuk minat serta mendapat pendedahan awal tentang laluan kerjaya pelajar dalam bidang kuasa industri.



Pelajar FKM *hasilkan* Kenderaan Berkuasa Elektrik Mampu Milik

30 Mei : Pelajar-pelajar Fakulti Kejuruteraan Mekanikal hari ini membuktikan kepada seluruh rakyat Malaysia bahawa kenderaan elektrik mampu dihasilkan dengan hanya bermodalkan RM 2,000.

Perkara itu dibuktikan pada majlis perasmian Pameran Automotif UTeM 2012 yang dijayakan oleh pelajar tahun tiga fakulti itu di Kampus Industri Ayer Keroh. Sebanyak 5 buah kenderaan elektrik yang berfungsi sepenuhnya dipamerkan kepada umum.

Menurut Pengarah Program Dr. Muhammad Zahir Hassan berkata, pameran yang diadakan bertujuan mengasah kreativiti dan inovasi mahasiswa untuk menghasilkan sendiri kenderaan berkuasa elektrik bagi memenuhi keperluan spesifik pasaran semasa. "Sesuatu yang membanggakan ialah kenderaan elektrik yang dipamerkan hari ini adalah hasil kerja pelajar-pelajar UTeM sepenuhnya yang diterapkan dengan kemahiran praktikal sejak di awal pengajian lagi," jelas Dr. Zahir.

Tambah beliau lagi, pameran yang diadakan turut memupuk kesedaran kepada umum bahawa penggunaan teknologi hijau dalam kehidupan seharian sebenarnya boleh dilaksanakan melalui penyelidikan dan pembangunan produk yang berterusan.

Pameran Automotif UTeM 2012 mendapat sambutan menggalakkan apabila warga universiti turut hadir menyaksikan kenderaan yang dipamerkan serta berpeluang merasai sendiri pengalaman memandu kenderaan elektrik ciptaan pelajar terbabit.



FKE JOHAN DEBAT Piala Naib Canselor

2 Mei : Pasukan Debat Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) telah menjadi johan Pertandingan Debat Piala Naib Canselor UTeM yang berlangsung di Auditorium Canselor, Kampus Induk Durian Tunggal.

Pasukan Debat FKE yang dibarisi oleh Sharul Aidy Mohd Zaini, Norfanesya Abd. Latif, Saidatina Aishah Mohd. Shah dan Iffah Mastura Ibrahim berjaya mengemukakan usul yang dibangkitkan oleh Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK).

Usul yang dibahaskan pada pertandingan akhir itu ialah "Mahasiswa Berintegriti Menjamin Kemajuan Negara". Debat ala Parlimen ini menetapkan FKE sebagai wakil di pihak kerajaan manakala FKEKK pula selaku wakil di pihak pembangkang.

FKE turut meraih kemenangan berganda apabila Sharul Aidy Mohd Zaini turut dinobatkan sebagai pendebat terbaik pertandingan kali ini. Dengan kejayaan itu pasukan FKE telah berjaya menjulang Piala Naib Canselor, wang tunai RM200.00 dan sijil penyertaan manakala FKEKK menerima piala, wang tunai RM150.00 dan sijil penyertaan.



Mahasiswa UTeM *terus* TABUR BAKTI kepada Masyarakat Setempat

19 Mei : Seramai 86 orang mahasiswa UTeM telah menayakan program gotong-royong membersihkan tanah perkuburan bersama-sama masyarakat Kampung Bukit Beruang hari ini.

Program yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Kolej Kediaman Siswa Siswi UTeM Murni, D'Apartment & Makmur dengan kerjasama Badan Dakwah dan Rohani (BADAR) UTeM dan Masjid Tun Syed Ahmad Al-Haj, Bukit Beruang bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturrahim antara mahasiswa dan penduduk setempat.

Tanah Perkuburan Islam Kampung Bukit Beruang telah dipilih sebagai lokasi peserta untuk menabur bakti bagi program gotong-royong bersama masyarakat pada kali ini.

Menurut Pengarah Program Mohamad Rasyidi Nazir Ali berkata, program sebegini bertujuan menyemai dan memupuk kesedaran secara mendalam kepada orang ramai khususnya para mahasiswa UTeM terhadap nilai-nilai murni seperti kerjasama, tolong-menolong, khidmat sosial dan juga kepentingan menjaga kebersihan.



KELAB PENYAYANG *berbakti di* RUMAH ANAK-ANAK YATIM JASIN

13 Mei : Kelab Penyayang UTeM dengan kerjasama Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) telah menganjurkan program Ramah Mesra PNC HEPA bersama anak-anak yatim Islam Jasin kelmarin.

Program yang dihadiri oleh 30 orang ahli kelab ini telah dirasmikan oleh Penolong Naib Canselor (HEPA) Engr. Prof. Dr. Marizan Sulaiman. Turut hadir Timbalan Yang Di-Pertua Pertubuhan Anak-anak Yatim Islam Daerah Jasin Haji Ghafar Mohd. Yusof dan 25 orang anak yatim penghuni rumah berkenaan.

Menurut pengarah program Nur Syazni Mohd Fouzi berkata, objektif utama program itu ialah mendekatkan pelajar UTeM serta beramah mesra dengan anak-anak yatim di samping mendalami permasalahan mereka.

Sewaktu berucap, Marizan mempelawa anak-anak yatim itu dibawa melawat ke UTeM bagi melihat sendiri persekitaran kampus dan makmal-makmal terkini sebagai inspirasi untuk berjaya serta melibatkan mereka dalam beberapa program anjuran universiti.



Ekspedisi Tawan Tiga Puncak Gunung BANJARAN TITIWANGSA berjaya

Seramai 25 orang mahasiswa UTeM yang menganggotai Persatuan Anak Sabah dan Sarawak (PMAS) telah berjaya menawan tiga puncak gunung yang terletak di Banjaran Titiwangsa baru-baru ini.

Menurut Pengarah Program Asyul Asri berkata, tiga puncak gunung yang berjaya ditawan oleh kumpulan ekspedisi ini adalah Gunung Perdah yang berketinggian 1,600 meter, Gunung Jarsar setinggi 1,500 meter dan Gunung Berembun setinggi 1,800 meter dari aras laut.

Jelas beliau, objektif utama diadakan program ini ialah bagi mengeratkan lagi jalinan silaturrahim sesama ahli persatuan yang merupakan gabungan dari dua buah negeri dari Kepulauan Borneo iaitu Sarawak dan Sabah yang berada di bawah naungan Pejabat HEPA.

“Di samping itu program ini turut memberi peluang kepada para peserta untuk terus bergiat aktif menayakan aktiviti luar seperti ini yang menyentuh kepada aspek pentingnya mencintai dan menghargai dan penjagaan alam semulajadi” ujar beliau.

Tambah beliau lagi, berbekalkan semangat dan keazaman yang tinggi para peserta telah berjaya meneruskan ekspedisi pendakian yang agak mencabar bagi meneruskan misi menawan tiga puncak gunung itu.



KARNIVAL KERJAYA 2012 *terima* Sambutan Luar Biasa

31 Mei : Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) dengan kerjasama Pusat Jaringan Industri dan Komuniti (PJIM) telah menganjurkan Karnival Kerjaya UTeM 2012 bertempat di Pusat Persatuan Pelajar (PPP), Kampus Induk Durian Tunggal.

Menurut Penolong Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Engr. Prof. Dr. Marizan Sulaiman berkata, karnival itu disertai 30 buah syarikat dan industri dari dalam dan luar negara yang mengadakan pameran, ceramah kerjaya dan temuduga terbuka kepada siswa UTeM yang akan tamat pengajian pada tahun ini.

Antara syarikat yang mengambil bahagian ialah Honda, Samsung, Sony, JobsMalaysia, MDEC, Petronas, Shimano, Infineon dan Microsoft.





SESI RAMAH MESRA TNC (P&I) *bersama* STAF PEJABAT PENDAFTAR

8 Mei : Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) Prof. Ir. Dr. Mohd Jailani Mohd Nor telah mengadakan sesi ramah mesra bersama staf Pejabat Pendaftar dalam satu majlis yang dianjurkan hari ini.

Sesi ramah mesra yang diadakan merupakan platform bagi Prof. Ir Dr. Mohd Jailani berkongsi secara terperinci misi dan objektif yang perlu dicapai oleh staf pejabat itu terutama sekali dalam bidang pengurusan.

Beliau turut berkongsi pengalaman dan pandangan dengan staf Pejabat Pendaftar berkaitan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dalam mentadbir universiti yang mendepani pelbagai cabaran dan kepentingan menguruskan waktu dengan berkesan.

Turut hadir ke majlis itu Pendaftar Hasan Sirun yang melahirkan rasa penghargaan kepada Prof. Ir Dr. Mohd Jailani yang sudi hadir dan memberi suntikan motivasi kepada staf terlibat.

Bengkel Pelan Strategik Fasa 2: *ke arah* **KEGEMILANGAN UTeM** *di* **Peringkat Global**

22 Mei : Bengkel Pelan Strategik UTeM 2012-2020 Fasa 2 telah diadakan bagi memperkemas input yang diperolehi daripada bengkel sebelum ini dengan menghimpunkan pengurusan tertinggi dan pegawai-pegawai kanan di Dewan Konvensyen Kampus Bandar di Jalan Hang Tuah.

Menurut Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan berkata, Bengkel fasa 2 yang dianjurkan bertujuan untuk memuktamadkan strategi yang dirangka serta meneruskan pencapaian gemilang universiti di peringkat global berpaksikan inisiatif strategik di semua jabatan, katanya.

Jelasnya lagi, UTeM akan meluaskan jaringan kerjasama dengan pelbagai institusi mahupun industri berteknologi tinggi agar pembangunan penyelidikan dan inovasi dapat dipertingkatkan seterusnya menyumbang kepada kemajuan negara.

Sepanjang dua hari bengkel berlangsung, beberapa pembentangan dan perincian telah disampaikan oleh peserta dengan mengkaji trend semasa serta maklumbalas terhadap topik perbincangan yang telah diutarakan sebelum ini.

Sesi pembentangan tersebut berjaya memberi input positif kepada semua peserta bengkel dan melalui perbincangan yang diadakan, satu draf pelan strategik berjaya dirangka untuk diteliti oleh pihak yang terlibat.

PROGRAM BIMBINGAN KECEMERLANGAN SPM:

**UTeM, TABUNG HAJI & BERITA HARIAN
GABUNG KEPAKARAN**

26 Mei : Bagi memantapkan persediaan calon peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun ini Lembaga Tabung Haji Malaysia (LTHM) dengan kerjasama Berita Harian dan UTeM telah mengadakan Program Bimbingan Kecemerlangan SPM bertempat di Dewan Besar baru-baru ini.

Seramai 250 orang calon SPM dari sekitar negeri Melaka telah menghadiri seminar tersebut. Melalui program yang dianjurkan, peserta telah mendapat bimbingan, tunjuk ajar dan panduan terbaik untuk mencapai kejayaan dalam peperiksaan SPM nanti.

Pelajar pada hari itu peserta turut mendapat suntikan semangat dari Pengerusi Jawatankuasa Perindustrian, Perdagangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri, Datuk Hj Ab Ghafaar Atan sewaktu merasmikan program itu.

Dalam ucapannya, beliau menyeru supaya para pelajar bersungguh-sungguh dalam proses persediaan menghadapi peperiksaan SPM nanti dan beliau yakin kesemua pelajar mampu untuk mencatat keputusan cemerlang setanding dengan rakan-rakan lain yang berada di seluruh Malaysia.



Pertandingan Rekabentuk & Pembangunan Produk **Serlah Kreativiti & Inovasi Mahasiswa**

28 Mei : Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) telah menganjurkan Pertandingan Rekabentuk dan Pembangunan Produk bertempat di Pusat Pembuatan Termaju Kampus Induk di Durian Tunggal.

Menurut Dekan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan Dr. Mohd Rizal Salleh berkata, objektif utama pertandingan adalah untuk menyuntik kemahiran berfikir serta kreativiti pelajar terhadap rekabentuk dan pembangunan produk bermutu tinggi.

"Peserta yang mengambil bahagian pada pertandingan kali ini telah mempamerkan peningkatan dari segi kualiti rekabentuk produk malah inovasi yang dihasilkan turut berpotensi untuk diketengahkan ke peringkat yang lebih tinggi," jelas Dr. Mohd Rizal.

Pertandingan itu telah dijayakan oleh seramai 65 orang pelajar FKP yang menjadikan barangan serta peralatan harian sebagai inspirasi untuk menghasilkan produk mesra pengguna bersesuaian dengan tema 'Kecemerlangan Sosial Melalui Rekabentuk dan Pembangunan Produk.'





Program Motivasi 'KEKANDA ADINDA SIRI II' PUKUK KEHARMONIAN RUMAH TANGGA

30 Mei : Kakitangan UTeM dari pelbagai jabatan tidak melepaskan dengan menyertai program motivasi dalam memupuk keharmonian hubungan kekeluargaan dan rumahtangga di Auditorium Canselori, Kampus Induk Durian Tunggal.

Program 'Kekanda Adinda Siri II' anjuran Bahagian Kesejahteraan Personel, Pejabat Pendaftar merupakan lanjutan kepada program yang pernah dianjurkan sebelum ini.

Ceramah telah disampaikan oleh Ustaz Nizam Ali dari Pejabat Pendidikan Agama Daerah Ledang, Johor dan beliau merupakan seorang yang berpengalaman luas dalam bidang kaunseling keluarga dan rumah tangga.

Para peserta turut dikongsi dengan beberapa petua dalam menjaga hubungan rumahtangga yang mana suami isteri sentiasa perlu berkasih sayang, ambil berat dan menghargai perkahwinan.

Di samping itu sikap saling memahami amat penting untuk sesuatu hubungan selain sentiasa menceriakan hubungan sentiasa mendoakan kebahagiaan pasangan masing-masing, jelas beliau.



Puncak Gunung Berapi Tertinggi di Indonesia DITAWAN STAF UTeM

6 Mei : Gunung berapi Kerinci yang terletak di wilayah Jambi berada di ketinggian 3,805 meter dari aras laut telah ditakluki oleh 15 orang peserta ekspedisi terdiri daripada gabungan staf dan pelajar UTeM yang menyahut cabaran mengibarkan Jalur Gemilang dan UTeM sempena sambutan Melaka 750 tahun.

Menurut Ketua Ekspedisi Mohd Syairazi Razali berkata, kumpulannya telah berjaya membuktikan bahawa semangat berpasukan merupakan resepi utama dalam menjayakan sesuatu perancangan.

"Tanpa komitmen dan kesungguhan yang jitu, mustahil kami dapat menawan Gunung Kerinci dan kejayaan ini seharusnya dijadikan inspirasi untuk merealisasikan hasrat UTeM untuk menjadi sebuah universiti tersohor di rantau ini," kata Mohd Syairazi.

Ekspedisi tersebut turut mencatat sejarah apabila peserta ekspedisi berjaya menawan Danau Gunung Tujuh yang terbentuk daripada kawah gunung berapi hasil letusan ratusan tahun dahulu. Danau tersebut merupakan danau tertinggi di Asia Tenggara terletak bersebelahan Gunung Kerinci dan merupakan antara daya tarikan utama penggemar aktiviti kembara.

Selain mengharumkan nama universiti, kumpulan ekspedisi turut mengambil kesempatan mempromosikan UTeM kepada penduduk setempat mengenai peluang-peluang pengajian yang terdapat di universiti ini.

UTeM anjur BENGKEL PENUBUHAN POLIS BANTUAN Peringkat IPTA



3 Mei : Bahagian Keselamatan Pejabat Pendaftar hari ini menganjurkan Bengkel Taklimat Penubuhan Polis Bantuan bagi peringkat Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

Menurut Pengarah Bahagian Keselamatan UTeM Affindi Abu Bakar berkata, tujuan program ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada semua universiti berkaitan penubuhan dan kepentingan Polis Bantuan di setiap universiti awam di Malaysia.

Tambah beliau lagi, dengan adanya program sebegini ia dapat memberi penerangan terperinci mengenai tugas dan tanggungjawab Polis Bantuan di universiti seperti perkhidmatan keselamatan kawalan diri dan harta benda, penguatkuasaan peraturan lalu lintas, siasatan kejadian jenayah dan pencegahan kebakaran.

Bengkel ini telah disertai seramai 48 orang peserta yang terdiri dari kakitangan UTeM dan wakil dari beberapa buah universiti awam antaranya dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Ketua Pegawai Keselamatan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Penguasa Polis Bantuan Badarudin Mohd Dom telah dijemput sebagai penceramah jemputan dalam program itu yang turut berkongsi pengalaman dan panduan berguna kepada peserta terhadap proses penubuhan pasukan keselamatan itu.

Perkahwinan & Kelahiran Mei 2012

Berita@UTeM
mengucapkan **TAHNIAH** kepada
staf yang telah menerima kelahiran cahaya mata serta
selamat pengantin baru kepada pasangan berikut:

Perkahwinan

Nama Staf : Zaid bin Abdullah
(Pejabat Pendaftar)
& Raihana Begum Binti Ghazali
Tarikh Perkahwinan : 25 Mei 2012



Nama Staf : Mohd Sufian bin Kassim
(Pejabat Pendaftar)
& Nurfarhana Binti Abd. Razak
Tarikh Perkahwinan : 25 Mei 2012

Kelahiran



Nama Staf : Mohd Hafiz bin Bakar (Canselori)
& Siti Norbaya binti Yahaya (FPTT)
Nama Anak : Aqeel Darwish bin Mohd Hafiz
Tarikh Lahir : 7 Mei 2012

Personaliti Pilihan



MOHD FAIRUZ BIN TAIB
PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT
PUSAT KOMPUTER

Mohd Fairuz menyertai UTeM pada tahun 2004 dan ditempatkan di Pusat Komputer. Ketika ini beliau berkhidmat di Unit Web dan Multimedia, bertanggungjawab memastikan portal UTeM sentiasa dikemaskini dengan maklumat terbaru untuk hebahkan warga universiti.

Berasal dari Johor Bahru, Mohd Fairuz merupakan graduan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dalam jurusan teknologi maklumat. Tahun 2011 menyaksikan pencapaian gemilang beliau apabila kepakaran dan sumbangannya terhadap portal UTeM berjaya meraih status lima bintang oleh MDeC.

Di waktu lapang Mohd Fairuz gemar membelek koleksi figura aksi yang dikumpulnya sejak sekian lama. Beliau turut mencurah keringat mewakili Pusat Komputer dalam Sukan Antara Jabatan (SAJ) tahun ini dalam acara tarik tali dan karom.



LINDAHERDANI BINTI RAMAN
PEMBANTU TADBIR (P/O)
PEJABAT PENDAFTAR

Mula berkhidmat di UTeM pada tahun 2009 dan ditempatkan di Pejabat Pendaftar, Linda Herdani kini bertugas di Unit Perancangan Strategik, Bahagian Dasar dan Kualiti (BDQ).

Seorang yang kaya dengan senyuman, beliau merupakan antara staf yang terlibat dalam proses pencapaian pengiktirafan ISO 9001:2008 Pejabat Pendaftar. Menurutnya kejayaan itu dijadikan inspirasi untuk terus menyumbang bakti kepada universiti tercinta.

Di waktu lapang, Linda Herdani akan membaca novel-novel kegemarannya di samping melayari laman web untuk mengetahui perkembangan semasa.

Meminati pasukan Itali dalam kejohanan Euro 2012, Linda Herdani juga merupakan seorang atlet bowling padang yang mewakili pasukan Pejabat Pendaftar di Sukan Antara Jabatan (SAJ).



UTeM JUARA KESELURUHAN Kejohanan Sukan MTUN

26 Mei : UTeM merangkul gelaran juara keseluruhan bagi Kejohanan Sukan Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) tahun 2012 yang berlangsung di Kompleks Sukan Kampus Induk Durian Tunggal.

Kejuaraan itu telah meletakkan UTeM sebagai pemegang takhta johan di hadapan tiga buah universiti teknikal yang lain iaitu Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Menurut Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan berkata, mutu permainan dan semangat kesukanan yang tinggi merupakan nadi utama kejayaan pasukan UTeM di kejohanan itu. Menurutnya, UTeM berjaya menggondol 5 pingat emas, 6 pingat perak dan 3 pingat perak. Pungutan 14 pingat itu juga mencatatkan kejayaan manis apabila kesemua acara yang disertai berjaya menyumbang pingat kepada UTeM. "Pingat emas yang diraih UTeM disumbangkan menerusi kategori pelajar untuk acara ragbi 10 sebelah dan hoki wanita 9 sebelah. Untuk kategori staf pula pingat emas diraih menerusi acara boling padang campuran serta kategori campuran menerusi acara berbasikal individu dan berbasikal berpasukan," jelas Ahmad Yusoff.

Tambah beliau lagi, temasya Kejohanan Sukan MTUN bukan hanya mementingkan kepada kemenangan tetapi lebih kepada jalinan persahabatan yang terjalin antara empat buah universiti teknikal Malaysia. "Ianya sebagai platform yang mengukuhkan lagi ikatan persahabatan yang sedia terjalin erat antara universiti dalam MTUN yang mengutamakan rasa keserakanan, semangat juang dan penonjolan nilai disiplin yang tinggi", ujar beliau lagi.

KEJOHANAN MOUNTAIN BIKE CROSS COUNTRY TERTUTUP 2012 *cungkil* BAKAT BARU SUKAN LASAK

19 Mei : Bertempat di kawasan tasik rekreasi Kampus Induk telah berlangsung Kejohanan Mountain Bike Cross Country Tertutup 2012 yang dianjurkan oleh pelajar-pelajar kokurikulum basikal lasak UTeM.

Menurut Pengajar Kokurikulum Basikal Lasak Khairul Niza Yahya berkata, kejohanan itu menyaksikan kawasan dusun durian UTeM yang terkenal bagi peminat basikal lasak di negara ini sebagai sebahagian lokasi perlumbaan.

"Keadaan tanah semulajadi yang tidak rata serta pendakian bukit curam menambahkan lagi tahap cabaran untuk peserta namun penganjur bersyukur kerana tidak berlaku sebarang perkara yang tidak diinginkan," jelas Khairul Niza.

Jelas beliau, trek rentas desa (cross country) yang disediakan sepanjang 16 kilometer benar-benar mencabar fizikal dan mental peserta yang mengambil bahagian. Peserta dikehendaki menamatkan dua pusingan dengan catatan masa terpantas.

Bagi kategori pelajar lelaki, Mohamad Nazim Ab Halim mengungguli kejohanan pada tahun ini manakala kategori pelajar perempuan pula menjadi milik Halimatun Adawiyah Ab. Rahaman.

